Nama:_____ Kelas:_____

Pelanduk Mengajar Memerang

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Seketika lagi hari pun siang. Memerang laki bini lepas makan ia pun pergilah menghadap Nabi Allah Sulaiman. Kepada masa itu Nabi Allah Sulaiman pun bersemayam di atas takhta singgahsana kerajaan di hadapan menteri hulubalang rakyat tentera tiada tepermanai banyaknya, aneka jenis manusia dan jin binatang berhamparan duduk di tanah menghadap baginda itu, bermacam-macam aduan teriak mereka itu, semuanya diselesaikan Nabi Allah.

Memerang laki bini pun berdatangkan sembah dengan nyaring suaranya. "Daulat tuanku, ampun tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik harap diampun; yang sedia terjunjung di atas otak batu kepala patik hamba yang hina, yang kedua permaklumkan sembah ke bawah tapak cerpu Duli yang Maha Mulia darihal diri patik yang kedua ini sangatlah dianiaya oleh Perdana Menteri tuanku, Syah Alam di Rimba. Sepeninggal patik mencari ayapan didik itu patik tinggalkan ketujuh ekornya menunggu pondok. Hatta patik pun pulang daripada mencari ayapan itu, patik lihat anak didik itu, tuanku, berkaparan di halaman pondok patik habis mati semuanya sekali, setengah pecah kepala, setengah patah kaki patah tangannya. Diperiksa dilihat baik nyatalah bekas tapak kaki Syah Alam di Rimba, tuanku. Berkeciak sahaja merata-rata halaman patik itu dan merata-rata kepala buaian-buaian anak didik itu. Pada fikiran patik sah dengan nyatanya Syah Alam di Rimba membunuh anak-anak didik itu."

Hatta setelah didengar oleh Nabi Allah Sulaiman akan sembahan memerang kedua laki bini itu, termenung seketika hairan akan kelakuan menterinya Syah Alam di Rimba perbuat aniaya ke atas rakyat tentera, tiada berpatutan sekali-sekali itu. Baginda pun bertitah kepada unggas belatuk menyuruh memanggil Syah Alam di Rimba. Belatuk pun menyembah lalu segera terbang ke tempat Syah Alam di Rimba, katanya, "Hai Syah Alam di Rimba, Nabi Allah Sulaiman memanggil segera ke balai penghadapan."

Dipetik daripada prosa tradisional 'Pelanduk Mengajar Memerang',
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2
Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Mengapakah memerang menghadap Nabi Allah Sulaiman?

A Ingin mengenal pasti punca kematian anak-anaknya.
B Ingin menyahut cabaran daripada Syah Alam di Rimba.
C Ingin berbual-bual dengan Syah Alam di Rimba.
D Ingin membuat aduan bahawa Syah Alam di Rimba telah membunuh anak-anaknya.

2 Perwatakan Sang Memerang suami isteri yang digambarkan dalam petikan adalah seperti berikut, **kecuali**

A bertanggungjawab.
B penyayang.
C prihatin
D adil.

3 Latar masyarakat yang **tidak** terdapat dalam petikan cerita ialah

A masyarakat yang insaf akan kesalahan.
B masyarakat haiwan yang tinggal di hutan rimba.
C masyarakat yang menjatuhkan hukuman dengan adil.
D masyarakat yang taat dan amanah dalam menjalankan perintah.

4 Pilih peristiwa yang berlaku selepas petikan cerita mengikut susunan yang betul.

A Memerang memohon ampun dan mengakui kesalahan → Nabi Allah Sulaiman mendengar cerita Sang Sebarau → Nabi Allah Sulaiman berasa murka → Nabi Allah Sulaiman memutuskan bahawa Syah Alam di Rimba tidak bersalah
B Nabi Allah Sulaiman mendengar cerita Sang Sebarau → Nabi Allah Sulaiman berasa murka → Memerang memohon ampun dan mengakui kesalahan → Nabi Allah Sulaiman memutuskan bahawa Syah Alam di Rimba tidak bersalah
C Nabi Allah Sulaiman berasa murka → Nabi Allah Sulaiman mendengar cerita Sang Sebarau → Nabi Allah Sulaiman memutuskan bahawa Syah Alam di Rimba tidak bersalah → Memerang memohon ampun dan mengakui kesalahan
D Nabi Allah Sulaiman mendengar cerita Sang Sebarau → Nabi Allah Sulaiman berasa murka → Nabi Allah Sulaiman memutuskan bahawa Syah Alam di Rimba tidak bersalah → Memerang memohon ampun dan mengakui kesalahan

LIVEWORKSHEETS